

KAJIAN MAKNA DALAM TRADISI LISAN PERIBUMI BIDAYUH DI DAERAH KUCHING, BAU, SERIAN DAN LUNDU, SARAWAK.

Small Grant Scheme (SGS), UNIMAS No siri geran-03(S77)/812/2011(11). Jumlah geran: RM 9960



Informan



Latar Belakang Kajian :

Sebagai salah satu bahasa peribumi di kepulauan Borneo, Bahasa Bidayuh agak unik berbanding dengan bahasa-bahasa lain yang ada di Sarawak. Keunikan ini adalah berdasarkan sebutan, pertuturan, gerak gaya dan alunan yang dipertuturkan. Lazimnya bahasa Bidayuh akan berubah intonasi dan bahasa mengikut kampung dan daerah tertentu. Hal ini menyebabkan suku kaum ini sukar untuk berkomunikasi antara satu sama lain sekiranya mereka dari suku dan daerah yang berlainan. Sebagai contoh, daripada pemerhatian pengkaji dan maklumat bacaan, terdapat beberapa variasi kata "makan" mengikut suku Bidayuh berdasarkan kawasan. Ada yang menyebut "makan" "ma-an" dan ada juga yang menyebut "makan" sebagai "man". Keunikan bahasa Bidayuh inilah yang menyumbang kepada usaha untuk melakukan kajian lanjut dalam aspek linguistik bahasa ini. Aspek linguistik yang akan dikaji melibatkan aspek makna dalam ilmu semantik dan pragmatik yang menfokuskan kajian terhadap tradisi lisan dalam masyarakat Bidayuh.

Objektif Kajian :

1. Mengenal pasti implikatur yang tersirat dalam tradisi lisan (puisi dan nyanyian rakyat) masyarakat Bidayuh, menganalisis strategi penggunaan implikatur berkenaan, mengkategorikan jenis implikatur yang ditemui dalam tradisi lisan yang dikaji itu dan mengemukakan kesimpulan terhadap implikatur berkenaan.
2. Mengemukakan dan menerangkan semantik bahasa Bidayuh dari makna literal dan makna non-literal perkataan dalam bahasa Bidayuh.
3. Menghuraikan aspek makna perkataan dan mengkategorikannya kepada hiponimi, sinonimi, antonimi, polisemi dan homonimi.

Metodologi Kajian :

- Kajian lapangan.
- Kaedah pengumpulan data penyelidikan kualitatif seperti pemerhatian, temu bual dengan informan, rakaman, catatan dan dokumen teks.
- Analisis teoretikal.

Pernyataan Masalah:

Kajian terhadap bahasa-bahasa di Sarawak telah dilakukan bukan sahaja oleh pengkaji tempatan malah mula diusahakan oleh pengkaji-pengkaji Barat. Kebanyakan kajian yang dilakukan lebih kepada kajian deskripsi terhadap aspek fonologi dalam bahasa-bahasa berkenaan. Selain itu, penghasilan Daftar Kata asas dalam setiap bahasa berkenaan telah lama dilakukan. Hal ini menyebabkan, terdapat kosa kata tertentu yang tidak tersenarai dalam kajian-kajian lepas. Salah satu kelompangan yang wujud ialah dari segi semantik dan pragmatik. Oleh sebab itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengenal pasti serta meneliti aspek semantik dan pragmatik yang masih belum dilakukan secara terperinci. Penerapan kajian bersifat teori diharapkan dapat mengisi kelompangan yang sedia ada.

Contoh Data Kajian 1:

Puisi masyarakat Bidayuh (Jagoi)

Terjemahan puisi dalam Bahasa Melayu Baku

Tumu bikudu di puun sorai
Di maket jajak bijua tobuh
Oku bilagu di onu Gawai
Bilagu joget sowa bauh

Tumbuh mengkudu di pohon serai
Di market jaja menjual tebu
Saya berlagu di hari Gawai
Berlagu joget tahun baru

Contoh Data Kajian 2:

Cerita rakyat masyarakat Bidayuh (Biatah)

Terjemahan cerita dalam Bahasa Melayu Baku


Si Pungut, Si Kadut Nga Tengen Gitek

Si Pungut, Si Kadut Dengan Pohon Gitek


Si pungut nga si kadut, ayeh mbeh penu... Penu... Tundak dayak nyeran pak dayak samah deh suka ayeh. Deh rinduk di ayeh bah... Dayak samah deh an. Dayak ma'an ki ma'an edek dek, pak deh geh began ayeh. Kok menek ayeh mbeh ebok nyeran meh, ayeh mbeh penu geh derum terun, jiroh keyuh ma'an, jiroh perupuh keyuh ma'an ik lah. Kok menek ayeh mbeh dapet ndik jipeh anak. Jipeh anak mbeh mitek turung sok ayeh, nang "Cu, cu... Turung akuk..." kah yeh. Ngera duweh madis sawek turung meh. Kok menek ki ayeh mbeh... Ngera teban ayeh ka arun ik, pak aren ik derum rubang lah deh rek arun betur. Kok menek ki ayeh nang...

Si Pungut dan Si Kadut sedang berjalan-jalan, mengikut rombongan orang membuat denai, namun semua orang tidak suka dengan mereka. Orang makan sahaja, tidak jemput mereka sekali. Lepas itu, habis sahaja membuat denai, mereka pun berjalan ke dalam hutan mencari makanan, mencari sedikit makanan untuk mereka makan. Selepas itu, mereka terjumpa seekor ular. Ular itu pun meminta tolong mereka, bercakap "Cu, cu... Tolong aku...", cakap nya. Mereka berdua pun tolong. Selepas itu, mereka pun bawa nya ke rumah nya, tapi rumah nya bukan lah rumah betul, rumah di dalam lubang. Selepas itu, ular itu pun bercakap...

Contoh Analisis Pragmatik:



Contoh Analisis Semantik:



Jangkaan Hasil Kajian:

1. Menghasilkan kajian aspek makna dalam tradisi lisan masyarakat Bidayuh
2. Sebuah buku dan beberapa jurnal tempatan dan antarabangsa
3. Prosiding seminar dalam negeri dan luar negara



UNIVERSITI MALAYSIA
SARAWAK

PENYELIDIK:
DR. FATIMAH HAJI SUBET, (K)
DR. NORAZUNA NORAHIM,
DR. SHANTHI NADARAJAN,
DAYANG SARIAH ABANG SUHAI,
WAN ROBIAH BT MEOR OSMAN,
DAN SALBIA HAJI HASSAN